

20/02/2003

Tambahan ringgit boleh ditarik

Zainab Mohd Yatim

KERAJAAN akan mempertimbangkan untuk menarik balik dasar tambatan nilai ringgit kepada dolar Amerika jika berlaku perubahan ketara terhadap nilai mata wang tempatan berbanding serantau.

Penasihat Khas kepada Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, berkata dasar yang dibuat oleh kerajaan pada September 1998 itu bukanlah tetap sebaliknya boleh diubah pada masa yang sesuai.

"Kerajaan masih bersikap fleksibel yang mana perubahan akan dibuat sekiranya kadar tukaran asing dunia menjadi tidak menentu dan berubah strukturnya.

"(Dalam hal ini), jika nilai mata wang serantau meningkat atau susut 20 peratus berbanding ringgit, kita akan mempertimbangkan," katanya ketika ditemui di Putrajaya, kelmarin.

Beliau menjelaskan, keputusan menilai semula tambatan berkenaan akan tetap diambil walaupun dasar berkenaan mendatangkan banyak kebaikan kepada negara pada masa ini.

"Sejak September 1998, dasar berkenaan mewujudkan kestabilan pada ekonomi negara.

"Ini penting kerana masyarakat peniaga boleh memberikan tumpuan kepada perniagaan masing-masing kerana mereka sedar nilai ringgit adalah stabil.

"Mereka juga dengan jelas sedar bahawa sebarang keuntungan yang dibuat tidak akan musnah disebabkan kadar tukaran asing (yang berubah-ubah)," katanya.

Nor Mohamed berkata, sehingga ini, tiada yang mengadu mengalami kerugian disebabkan dasar berkenaan.

Justeru, keputusan untuk menarik balik dasar tambatan itu tidak perlu dibuat tergesa-gesa.

Kerajaan memperkenalkan dasar penetapan ringgit berbanding dolar sebagai sebahagian daripada langkah kawalan modal pada September 1998 berikutan krisis kewangan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru dalam satu wawancara berkata tambatan ringgit akan diteruskan selama mana ia tidak memberi kesan tidak baik kepada ekonomi.

"Sekarang ini jika negara jiran mengurangkan nilai 20 peratus atau menambah nilai sebanyak 20 peratus dan nilai itu berterusan untuk jangka panjang," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, perkara itu tidak berlaku dan tambatan ringgit yang dilaksanakan memberikan kelebihan kepada semua pihak.

"Ini kerana mereka yang melabur di negara ini tahu mereka boleh membuat belanjawan tanpa perlu menimbangkan turun naik nilai mata wang," katanya.